

Garis Panduan

PETUGAS KAUNTER UTMKL SERVICES

2023



Edisi Pertama, 2023

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sama ada melalui kaedah elektronik, fotokopi, mekanik atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Penerbitan buku ini adalah terpakai bagi urusan perkhidmatan kaunter UTMKL Services di UTM Kuala Lumpur sahaja dan semua kandungan yang terdapat dalam buku ini adalah berdasarkan peraturan sedia ada yang sedang berkuat kuasa semasa penerbitan.

Diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENDAFTAR UTM KUALA LUMPUR
(Seksyen Pembangunan Bakat)
Aras 2, Menara Razak,
Universiti Teknologi Malaysia
Jalan Sultan Yahya Petra
54100 Kuala Lumpur
Tel : 03-2180 5088
Website : <https://registrar.utm.my/kl/>
Emel : registrar.kl@utm.my

Pemakluman:

Mana-mana percanggahan yang timbul selepas daripada buku ini diterbitkan hendaklah dirujuk terus kepada pihak penerbit.

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT



TUAN HAJI MOHD NAJIB BIN MASROOM

KETUA EDITOR



PUAN NURUL AIZZAH BINTI AHMAD RAZALI

EDITOR



PUAN ZAILATUL AKMA BINTI ZAKARIA

PEREKA GRAFIK



ENCIK MUHAMMAD AZRI BIN IBRAHIM

PENULIS BERSAMA

**PROF MADYA DR NORHAYATI
BINTI ABDULLAH**

**PUAN KHAIRANI BINTI
IBRAHIM**

**PUAN RADIATUL HADAVIYAH BINTI
RAMLAN**

**PUAN SU ZALPHA BINTI
MOHAMED**

**PUAN FADHILA AFZAN BINTI
ANAS**

**PUAN FARAHANA BINTI
AHMAD**

**ENCIK NOOR AZAM BIN
SAMSUDDIN**

**PUAN FATIN AZREEN
BINTI ABDULL SAHAK**

**PUAN SITI SARAH BINTI
KHAIRULLAH**

**ENCIK MUHAMMAD IRHAM
SAUTI BIN ISHAK**

**ENCIK WAN ABDUL AZIM
BIN WAN AHMAD**

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENGENALAN	1
BAB 1 : PROSES PENGURUSAN VISA PELAJAR DAN PAS PENGGAJIAN STAF ANTARABANGSA	
TUJUAN	2
RINGKASAN	2
OBJEKTIF	2
A. HASIL PEMBELAJARAN	3
B. PROSES PERMOHONAN VISA PELAJAR ANTARABANGSA	3
C. PROSES PERMOHONAN PAS PENGGAJIAN STAF ANTARABANGSA	9
D. AKTIVITI DAN PENILAIAN	10

BAB 2 : PENGURUSAN AKADEMIK PELAJAR UTM

TUJUAN	11
RINGKASAN	11
OBJEKTIF	11

TOPIK 2.1 : PENGENALAN KEPADA PENGURUSAN AKADEMIK PELAJAR

A. HASIL PEMBELAJARAN	12
B. EKOSISTEM PENGURUSAN AKADEMIK PELAJAR	12
C. SALURAN KOMUNIKASI PENGURUSAN AKADEMIK	13
D. POLISI, PANDUAN DAN PERATURAN	13
E. SISTEM – SISTEM AKADEMIK UTM	14
F. AKTIVITI DAN PENILAIAN	15

TOPIK 2.2 : PEMASARAN PROGRAM UNIVERSITI

A. HASIL PEMBELAJARAN	16
B. MAKLUMAT RINGKAS UNIVERSITI	13
C. MAKLUMAT PROGRAM PENGAJIAN UNIVERSITI	17
D. SYARAT KEMASUKAN PELAJAR	20
E. KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN	21
F. EJEN UNIVERSITI	22
G. STUDENT GET STUDENT SCHEME	22
H. JENIS PROGRAM PASCASISWAZAH	22
I. AKTIVITI DAN PENILAIAN	24

TOPIK 2.3 : PENGAMBILAN DAN KEMASUKAN PELAJAR

A. HASIL PEMBELAJARAN	25
B. PANGAMBILAN DAN PERMOHONAN	25
C. PROSES PERMOHONAN DAN PENGAMBILAN PELAJAR	28
D. PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BARU	32
E. AKTIVITI DAN PENILAIAN	33

TOPIK 2.4 : PENGURUSAN AKADEMIK DAN REKOD PELAJAR

PASCASISWAZAH

A. HASIL PEMBELAJARAN	34
B. PROSES PENGURUSAN AKADEMIK	34
C. PENGURUSAN AKADEMIK PASCASISWAZAH DI UTM KUALA LUMPUR	35
D. KALENDAR AKADEMIK UNIVERISITI	37
E. BORANG – BORANG YANG BERKAITAN URUSAN AKADEMIK PASCASISWAZAH	37
F. SISTEM GRED DAN KEDUDUKAN AKADEMIK	37
G. AKTIVITI DAN PENILAIAN	40

TOPIK 2.5 : URUSAN PELAJAR PENYELIDIKAN

A. HASIL PEMBELAJARAN	41
B. FUNGSI SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH (SPS) DI UTM KUALA LUMPUR	41
C. PROSES PENGURUSAN PELAJAR PENYELIDIKAN	42
D. BIASASISWA DAN BANTUAN KEWANGAN PELAJAR	46
E. POST GRADTUATE STUDENT SOCIETY (PGSS)	46
F. HADIAH AKADEMIK	46
G. PENGURANGAN YURAN WARGA UTM	46
H. AKTIVITI DAN PENILAIAN	47

TOPIK 2.6 : PENGIJAZAHAN DAN KONVOKESYEN

A. HASIL PEMBELAJARAN	48
B. PROSES PENGIJAZAHAN DAN KONVOKESYEN	48
C. LAMAN WEB RASMI KONVOKESYEN UTM	49
D. PERMOHONAN SIJIL AWAL (EARLY CERTIFICATE)	49
E. AKTIVITI DAN PENILIAN	49

BAB 3 : PENGURUSAN KEWANGAN PELAJAR

TUJUAN	50
RINGKASAN	50
OBJEKTIF	50

**TOPIK 3.1 : KADEAH-KADEAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
(KEWANGAN PELAJAR)**

A. HASIL PEMBELAJARAN	51
B. PENGENALAN KEPADA KADEAH-KADEAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (KEWANGAN PELAJAR)	51
C. AKTIVITI DAN PENILAIAN	52

TOPIK 3.2 : YURAN PENGAJIAN

A. HASIL PEMBELAJARAN	53
B. KOMPONEN YURAN PENGAJIAN PELAJAR	53
C. KADAR YURAN PENGAJIAN PENGIKUT PROGRAM	54
D. TEMPOH PEMBAYARAN YURAN UNIVERSITI	55
E. PELAJAR BERPENAJA	56
F. TATACARA KADEAH PEMBAYARAN YURAN DAN LAIN-LAIN CAJ DENDA	56
G. TUNTUTAN PEMULANGAN YURAN PENGAJIAN	57
H. TUNTUTAN PEMULANGAN BON PERSENDIRIAN (PERSONAL BOND) PELAJAR ANTARABANGSA	57
I. SEMAKAN AKAUN PELAJAR DAN TEMPOH KEMASKINI AKAUN	58
J. AKTIVITI DAN PENILAIAN	59

TOPIK 3.3: SOKONGAN KEWANGAN PELAJAR

A. HASIL PEMBELAJARAN	60
B. BANTUAN KEWANGAN PELAJAR	60
C. PENGURANGAN / PENGECUALIAN YURAN PELAJAR UTM	63
D. AKTIVITI DAN PENILAIAN	64

RUJUKAN	65
----------------	----

LAMPIRAN	68
-----------------	----

PENGENALAN

UTMKL Services telah dirasmikan pengoperasiannya oleh YBhg. Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail, Naib Canselor UTM pada 27 Jun 2022 selaras dengan hasrat untuk memusatkan perkhidmatan-perkhidmatan utama universiti di bawah satu bumbung (*one stop centre*). Perkhidmatan di kaunter UTMKL Services telah beroperasi dengan kerjasama beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan jenis perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti yang berikut:

- i. Pengurusan Visa: UTM International
- ii. Pengurusan Kewangan Pelajar: Pejabat Bendahari
- iii. Pengurusan Akademik: Seksyen Pengurusan Akademik, Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur (BPKL)
- iv. Pengurusan Kad Matrik: Seksyen Keselamatan, BPKL; dan
- v. Pusat Mel Universiti: Seksyen Pengurusan Organisasi, BPKL

Penerbitan buku ini bertujuan untuk mewujudkan satu garis panduan kepada staf yang menjalankan peranan dan fungsi di kaunter UTMKL Services dalam penyampaian perkhidmatan. Buku ini akan menghuraikan beberapa perkara berkaitan Proses Pengurusan Visa Pelajar dan Pas Penggajian Staf Antarabangsa, Pengurusan Akademik Pelajar UTM dan Pengurusan Kewangan Pelajar.

Garis panduan ini diharapkan dapat memastikan proses penyampaian perkhidmatan dapat disampaikan secara teratur, tepat dan komprehensif di kaunter UTMKL Services yang seterusnya akan memberikan imej yang baik kepada universiti.

BAB 1: PROSES PENGURUSAN VISA PELAJAR DAN PAS PENGGAJIAN STAF ANTARABANGSA

TUJUAN

Memastikan keberadaan Staf dan Pelajar Antarabangsa di UTM mengikut garis panduan dan polisi yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.

RINGKASAN

Modul latihan ini meliputi proses permohonan visa pelajar dan pas penggajian staf antarabangsa

OBJEKTIF

Memproses permohonan visa pelajar dan pas penggajian staf antarabangsa mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

A. Hasil Pembelajaran

Di akhir program peserta diharapkan dapat:

- I. Memproses kerja permohonan Visa Pelajar dan Pas Pengajian Staf Antarabangsa mengikut garis panduan yang ditetapkan
- II. Meneliti dokumen permohonan mengikut garis panduan yang ditetapkan

B. Proses Permohonan Visa Pelajar Antarabangsa

i. Proses Permohonan Visa Pelajar Baharu

A. Permohonan luar negara

- Permohonan diterima daripada pelajar antarabangsa yang berada di negara asal pelajar. Permohonan ini perlu dibuat oleh pelajar menerusi pautan berikut visa.educationmalaysia.gov.my/customer/account/login/
Rujuk Lampiran 1

B. Permohonan dalam negara

- Permohonan diterima daripada pelajar antarabangsa yang berada di dalam negara. Permohonan dalam negara merangkumi permohonan berikut:

1. Visa Pelajar *Variation*

- Permohonan diterima daripada pelajar antarabangsa yang telah mengikuti pengajian di IPT tempatan sekurang-kurangnya satu semester dan telah menerima keputusan peperiksaan bagi semester tersebut.

- Permohonan *variation* ini perlulah dalam kategori yang sama sebagai contoh peringkat Sarjana ke Sarjana.
- Permohonan *variation* ini boleh dilakukan secara *inter* universiti iaitu UTM Kuala Lumpur ke UTM Johor Bahru atau sebaliknya dan dari institusi yang berlainan.
- Permohonan *variation* hanya boleh dibuat bagi pelajar antarabangsa yang mendapat visa pelajar untuk tempoh satu tahun sahaja. *One off Visa* tidak layak untuk membuat *variation*. Bagi pelajar kategori ini, pelajar hendaklah terlebih dahulu membatalkan pas pelajar, pulang ke negara asal seterusnya memohon e-VAL baharu dari negara asal.
- Permohonan ini perlu merujuk kepada senarai semak *Variation* di **Lampiran 2**
- Permohonan dikemukakan dalam bentuk pdf melalui emel isckl@utm.my

2. Visa Pelajar *Progression*

- Permohonan diterima daripada pelajar antarabangsa yang telah bergraduat daripada IPT dalam Malaysia dan telah menerima surat tawaran belajar daripada UTM, Kampus Kuala Lumpur.
- Permohonan *progression* ini adalah permohonan daripada pelajar antarabangsa yang telah tamat

belajar dan ingin menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Sebagai contoh Ijazah Sarjana Muda ke Sarjana atau Sarjana ke Doktor Falsafah.

- Permohonan *progression* hanya boleh dibuat bagi pelajar antarabangsa yang mendapat visa pelajar untuk tempoh satu tahun sahaja. *One off Visa* tidak layak untuk membuat *progression*. Bagi pelajar kategori ini, pelajar hendaklah terlebih dahulu membatalkan pas pelajar, pulang ke negara asal seterusnya memohon e-VAL baharu dari negara asal.
- Pemohon perlu hadir ke kaunter untuk mendapatkan senarai semak *Progression* rujuk **Lampiran 3**
- Permohonan dikemukakan dalam bentuk pdf melalui emel isckl@utm.my

3. Pas-pas Lain

- Malaysia My Second Home (MM2H)
- Pas Pengajian (*Employment Pass*)
- Pas Penjaga (*Guardian Pass*)
- Pas Tanggungan (*Dependant Pass*) /Tanggungan Diplomatik
- Pas Lanjutan Sosial (Kedutaan Yemen)

Rujuk **Lampiran 4**

4. Pas Pengecualian

Pengecualian bermaksud pemegang pas bagi kategori ini tidak perlu menukar pas sedia ada kepada pas pelajar. Kategori pas pengecualian adalah seperti berikut:

- Pemegang Pas Diplomatik
- Pemegang Pas Kerakyatan Malaysia

ii. Proses Permohonan Pembaharuan Visa Pelajar (*Renewal*)

- Permohonan yang diterima daripada pelajar aktif yang akan tamat pas pelajar mereka.
- Permohonan untuk pembaharuan pas pelajar perlu dikemukakan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh dan empat (4) bulan bagi pelajar yang mempunyai tanggungan.
- Tempoh sah laku pasport pelajar mestilah sekurang-kurangnya 18 bulan.
- Permohonan ini perlu merujuk kepada senarai semak *Renewal* di **Lampiran 5**
- Tempoh pembaharuan pas pelajar ini terhad kepada satu (1) tahun sahaja. Bagi pelajar Indonesia boleh memilih untuk pembaharuan selama satu (1) atau dua (2) tahun.
- Permohonan dikemukakan dalam bentuk pdf melalui emel isckl@utm.my

iii. Proses Permohonan Visa Tanggungan

Permohonan visa tanggungan adalah untuk Ibu bapa, pasangan dan anak kandung pelajar antarabangsa yang mengikuti

pengajian di UTM Kuala Lumpur. Permohonan visa tanggungan adalah untuk pelajar yang mengikuti program Pasca Siswazah. Permohonan visa tanggungan bagi adalah terhad kepada anak-anak di bawah umur 17 tahun.

A. Permohonan Visa Tanggungan Baharu

- Tanggungan perlu mendapatkan cop masuk sosial daripada Imigresen sebaik tiba di Lapangan Terbang KLIA. Rujuk **Lampiran 6**.
- Permohonan visa tanggungan baharu pelajar boleh dibuat selepas proses pelekatan pas pelajar selesai.
- Permohonan ini perlu merujuk kepada senarai semak *Dependant* di **Lampiran 7**.
- Permohonan dikemukakan dalam bentuk pdf melalui emel isckl@utm.my.
- Pas-pas berikut boleh ditukar statusnya kepada pas tanggungan
 - i. Pas Sosial
 - ii. Pas Pelajar
 - iii. Pas Penjaga
 - iv. Pas Penggajian

B. Permohonan Lanjutan Visa Tanggungan

- Permohonan Lanjutan Visa Tanggungan boleh dibuat selepas penyerahan pasport pelajar (*principal*) di kaunter untuk proses pelekatan pas pelajar (*sticker endorsement*). (**Lampiran 8**)
- Permohonan untuk lanjutan pas tanggungan perlu dikemukakan sekurang-kurangnya empat (4) bulan sebelum tamat tempoh pas tanggungan.

- Permohonan ini perlu merujuk kepada senarai semak *Dependant* di **Lampiran 7**.
- Permohonan dikemukakan dalam bentuk pdf melalui emel isckl@utm.my,

iv. Proses Permohonan Kad Pelajar / Visa Program Mobiliti

- Permohonan bagi program mobiliti inbound/outbound boleh dibuat menerusi pautan berikut <https://www.utm.my/international/student-mobility-program/>

v. Penyerahan

A. Pasport

- Petugas Kaunter perlu menampal stiker peringatan penghantaran pasport bagi tujuan pembaharuan pas pelajar dan tanggungan pada pasport yang telah siap.
- Petugas Kaunter perlu merekodkan penyerahan pasport dalam buku Log yang disediakan. Rujuk **Lampiran 9**

B. iKad

- Petugas Kaunter perlu merekodkan penyerahan iKad dalam buku Log yang disediakan. Rujuk **Lampiran 9**

C. Proses Permohonan Pas Penggajian Staf Antarabangsa

A. Pas penggajian

- Permohonan bagi pas penggajian diterima daripada Fakulti / Pusat Tanggungjawab yang ingin melantik staf kontrak antarabangsa.
- Permohonan bagi pas penggajian perlu merujuk kepada senarai semak seperti **Lampiran 10**. Pihak Fakulti / Pusat Tanggungjawab perlu menyediakan dokumen lengkap sebelum dimajukan kepada UTM International Kuala Lumpur untuk dihantar ke Imigresen, Putrajaya
- UTM yang mengeluarkan surat tawaran dan membayar gaji staf antarabangsa yang ingin dilantik.
- Tempoh perkhidmatan adalah selama dua (2) atau lima (5) tahun. Gaji yang ditawarkan hendaklah melebihi daripada RM5000.00
- Staf boleh membawa tanggungan bersama ke Malaysia

B. Pas Lawatan Ikhtisas (PLIK)

- Pemohon bagi pas ini perlulah berada di negara asal semasa permohonan dikemukakan. Permohonan dari dalam negara adalah tidak dibenarkan.
- Permohonan bagi pas penggajian perlu merujuk kepada senarai semak seperti **Lampiran 11**. Pihak Fakulti / Pusat Tanggungjawab perlu menyediakan dokumen lengkap

sebelum dimajukan kepada UTM International Kuala Lumpur untuk dihantar ke Imigresen, Putrajaya

- Tempoh perkhidmatan di UTM hanya dua belas (12) bulan / satu (1) tahun sahaja, tiada lanjutan.
- UTM tidak membayar gaji kepada pemegang pas lawatan ikhtisas
- Pemegangan pas ini tidak dibenarkan membawa tanggungan.
- Pemohon hendaklah seseorang yang telah bekerja di mana-mana institusi / syarikat atau pelajar institusi pengajian tinggi di negara beliau.

D. Aktiviti dan Penilaian

1. Peserta akan diminta untuk membuat simulasi bagi permohonan pas pelajar yang akan mengikuti program mobiliti.
2. Peserta akan diminta untuk menjawab soalan kuiz yang akan dibuat menggunakan aplikasi kahoot

BAB 2: PENGURUSAN AKADEMIK PELAJAR UTM

TUJUAN

Meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya sistem penyampaian perkhidmatan kaunter pengurusan akademik dengan memberi tumpuan kepada kehendak pelanggan.

RINGKASAN

Modul latihan ini meliputi proses keseluruhan ekosistem pengurusan akademik iaitu pemasaran program Universiti, pengambilan dan kemasukan pelajar, pengurusan akademik dan rekod pelajar, urusan pelajar penyelidikan dan Pengijazahan dan Konvokesyen.

OBJEKTIF

- Menyelesaikan pertanyaan pelanggan dengan merujuk kepada peraturan yang sedang berkuatkuasa.

- Menyampaikan maklumat yang tepat dan berkualiti kepada pelanggan.

TOPIK 2.1:

PENGENALAN KEPADA PENGURUSAN AKADEMIK PELAJAR

A. Hasil Pembelajaran

Pada akhir topik ini, peserta akan dapat:

- i. Menerangkan proses pengurusan akademik pelajar secara keseluruhan.

B. Ekosistem Pengurusan Akademik Pelajar

Rantaian ekosistem pengurusan akademik pelajar boleh di rujuk pada gambarajah seperti di bawah:




Gambar Rajah 1: Rantaian Ekosistem Pengurusan Akademik Pelajar UTM

C. Saluran Komunikasi Pengurusan Akademik

Struktur governan Universiti terdiri dari tiga (3) peringkat kuasa iaitu:

- i. Kuasa Perundangan
- ii. Kuasa Eksekutif
- iii. Kuasa Melaksana

Saluran komunikasi governan bagi pengurusan akademik adalah seperti gambarajah di bawah:



Gambar Rajah 2: Saluran Komunikasi Governan Pengurusan Akademik
Pelajar UTM

D. Polisi, Panduan dan Peraturan

Berikut adalah polisi, panduan dan peraturan yang terpakai di Universiti dalam pengurusan akademik pelajar UTM:

- a. Peraturan Akademik Pascasiswazah
- b. Peraturan Akademik Program Sarjana Muda Pengajian Sepenuh Masa
- c. Peraturan Akademik Program Diploma

- d. Peraturan Akademik Program Diploma Pengajian Separuh Masa
- e. Peraturan Akademik Program Sarjana Muda Pengajian Separuh Masa
- f. Peraturan Akademik Program Eksekutif
- g. Peraturan Akademik Program Kerjasama
- h. Polisi Latihan Industri
- i. Peraturan Program Minor
- j. Buku Panduan Akademik Fakulti
- k. Perlembagaan UTM
- l. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU)
- m. Kod Amalan Pengajaran & Pembelajaran
- n. Kod Amalan Pengajian Siswazah (KAPS 01-19)
- o. Integriti – Akta Rahsia 1972

E. Sistem-Sistem Akademik UTM

Terdapat pelbagai sistem yang digunakan dalam urusan pengurusan akademik pelajar di UTM (Gambar Rajah 3). Sistem-sistem tersebut adalah seperti berikut:

- a. Portal MyUTM – UTM Academic (UTM Acad)
- b. Sistem Pengurusan Maklumat Akademik (AIMS)
- c. Permohonan Transkrip (UTM TrAS)
- d. Sistem Maklumat Konvokesyen (e-KONVO)
- e. U-Grad
- f. Sistem Pengurusan Mesyuarat (e-Mesyuarat)
- g. Sistem Teams SPACE

- h. Sistem e-daftar
- i. Sistem SMART



Gambar Rajah 3: Sistem-Sistem Berkaitan Pengurusan Akademik Pelajar
UTM

F. Aktiviti dan Penilaian

Tiada

TOPIK 2.2:

PEMASARAN PROGRAM UNIVERSITI

A. Hasil Pembelajaran

Pada akhir topik ini, peserta akan dapat:

- i. Menyampaikan maklumat yang tepat berkaitan Universiti dan program pengajian yang ditawarkan.
- ii. Mempromosikan program pengajian kepada pelanggan secara jelas dan menyeluruh.

B. Maklumat Ringkas Universiti

i. Pengenalan kepada UTM

- Maklumat mengenai latar belakang Universiti, lokasi kampus dan sebagainya boleh dirujuk melalui laman sesawang rasmi UTM di pautan <https://www.utm.my/>

ii. Fakulti di UTM

- Maklumat mengenai senarai nama fakulti yang terdapat di UTM boleh dirujuk melalui pautan <https://www.utm.my/about/faculties/>

iii. Ranking Universiti

- Maklumat terkini mengenai Rangking Universiti boleh dirujuk melalui pautan <https://www.utm.my/about/achievements/>

C. Maklumat Program Pengajian Universiti

- i. Universiti Teknologi Malaysia menawarkan pelbagai bidang pengajian bagi program prasiswazah dan pascasiswazah. Bidang-bidang yang ditawarkan adalah seperti berikut:
 - Architecture
 - Computer / IT
 - Education
 - Engineering
 - HRD, Business & Management, Accountancy
 - Humanities & Social Sciences
 - Sciences
 - Quantity Surveying / Landscape / Industrial Design
 - Geoinformation/ Property Management
- ii. Maklumat mengenai program-program (Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah) yang ditawarkan mengikut bidang dan fakulti di UTM boleh dirujuk di laman sesawang <https://admission.utm.my/>.
- iii. Selain itu, UTMSPACE turut menawarkan program-program prasiswazah lain seperti Program Foundation, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda (laluan International Degree Program - IDP). Maklumat lanjut mengenai program-program tersebut adalah seperti di pautan di bawah :
 - a. <http://space.utm.my/foundation/>
 - b. <http://space.utm.my/diploma/>
 - c. <http://space.utm.my/utmidp/>

- iv. Jenis pengajian yang ditawarkan di UTM adalah seperti di Jadual 1:

Peringkat Pengajian	Jenis Pengajian
Prasiswazah	Kerja Kursus
Prasiswazah	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja Kursus • Kerja Kursus & Penyelidikan • Penyelidikan

Jadual 1: Jenis Pengajian

- v. Tempoh pengajian program akademik di UTM adalah seperti di Jadual 2 di bawah:

Program Akademik	MINIMUM SEMESTER	MAKSIMUM SEMESTER
Diploma	Tiada	6
Ijazah	Tiada	8
Sarjana	2	8
Doktor Falsafah	6	16

Jadual 2: Tempoh Pengajian Program Akademik

vi. Yuran Pengajian

Maklumat mengenai kadar yuran bagi semua program akademik yang ditawarkan mengikut bidang dan fakulti boleh dirujuk di laman sesawang seperti di Jadual 3 di bawah:

PROGRAM	TEMPATAN	ANTARABANGSA
Prasiswa	https://admission.utm.my/programme-fees-ug-malaysian/	https://admission.utm.my/programme-fees-ug-international/
Pascasiswa	https://admission.utm.my/fees-pg-malaysian/	https://admission.utm.my/fees-pg-inter/

Jadual 3: Pautan Sesawang Kadar Yuran Program Akademik di UTM

D. Syarat Kemasukan Pelajar

a. Syarat Kelayakan Kemasukan Program

Syarat kelayakan bagi kemasukan calon pelajar ke UTM adalah seperti di Jadual 4:

PROGRAM	TEMPATAN	ANTARABANGSA
Prasiswazah	https://admission.utm.my/entry-requirements-ug-malaysian/	https://admission.utm.my/entry-requirements-ug-international/
Pascasiswazah	https://admission.utm.my/postgraduate-entry-requirements/	https://admission.utm.my/int-pg-entry-requirements/

Jadual 4: Pautan Sesawang Syarat Kelayakan Masuk Program

b. Syarat Bahasa Inggeris Bagi Pelajar Antarabangsa

Terdapat syarat tambahan bagi calon pelajar antarabangsa iaitu syarat kelayakan bahasa inggeris. Maklumat mengenai syarat kelayakan bahasa inggeris boleh dicapai di pautan: <https://admission.utm.my/english-language-requirements-3/>

E. Kemudahan dan Perkhidmatan

Di dalam urusan pemasaran program, berikut adalah beberapa perkara penting yang sering ditanya oleh calon pelajar dan keluarga. Maklumat-maklumat tersebut boleh dicapai di pautan seperti di Jadual 6 di bawah:

PERKARA	CAPAIAN MAKLUMAT
Kolej Kediaman dan Fasiliti Universiti	<ul style="list-style-type: none">● https://admission.utm.my/accommodation/● https://www.utm.my/studentaffairs/unit-perumahan-dan-kolej-kediaman/● https://kl.utm.my/ksj/
Bantuan Kewangan Pelajar	<ul style="list-style-type: none">● https://admission.utm.my/scholarship-and-financial-aid/● https://www.utm.my/studentaffairs/bantuan-kewangan/
Kos Sara Hidup di Malaysia	<ul style="list-style-type: none">● https://admission.utm.my/accommodation/

Jadual 6: Laman Sesawang Bagi Maklumat Kemudahan dan Perkhidmatan yang terdapat di UTM

F. Ejen Universiti

- a. UTM ada melantik beberapa ejen yang terpilih untuk membantu Universiti mendapatkan calon pelajar antarabangsa sekaligus membantu Universiti meningkatkan enrolmen pelajar. Senarai ejen yang berdaftar di UTM boleh dicapai di pautan: <https://admission.utm.my/student-recruitment-agent/>

- b. Universiti telah menetapkan beberapa syarat kelayakan untuk syarikat yang berminat bekerjasama dengan UTM sebagai ejen berdaftar. Syarat dan proses permohonan untuk menjadi ejen adalah seperti di pautan: <https://admission.utm.my/utm-international-agent-2/>

- .

G. Student Get Student Scheme

Universiti telah meluluskan Student Get Student Scheme yang membolehkan mana-mana pelajar antarabangsa berdaftar untuk membawa / memperkenalkan calon pelajar antarabangsa lain kepada UTM. Bagi setiap calon yang di bawa akan diberikan ‘reward’ sebanyak RM 500.00, terhad kepada maksimum enam (6) orang per semester. Maklumat lanjut berkaitan skim tersebut boleh dicapai di pautan: <https://admission.utm.my/sqss/>

H. Jenis Program Pascasiswazah

Terdapat empat (4) jenis program pascasiswazah yang ditawarkan di UTM iaitu:

- a. Program Perdana

Program pengajian siswazah lazim yang dilaksanakan di kampus Universiti (UTM Johor Bahru atau UTM Kuala Lumpur)

b. Program Pesisir / Offshore

Program yang dijalankan pada kelas hujung minggu (weekend classes) yang ditawarkan untuk sesuatu kumpulan pelajar. Program tersebut ditawarkan di UTM Johor Bahru, UTM Kuala Lumpur atau di lokasi-lokasi lain yang dikenal pasti mempunyai permintaan yang tinggi. Kadar yuran bagi program ini adalah lebih tinggi daripada program Perdana.

Maklumat lanjut berkaitan program pesisir ini boleh dicapai di pautan: <https://admission.utm.my/weekendprogramme/>

c. Program Khas

Program dilaksanakan kuliah pada hari bekerja atau hujung minggu yang mempunyai kadar yuran berbeza dengan program Perdana, Pesisir dan ODL.

d. Online Distance Learning (ODL)

Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL) adalah program yang ditawarkan secara dalam talian sepenuhnya tanpa memerlukan pelajar untuk menghadiri kelas secara bersemuka.

Pelajar hanya perlu memastikan ketersediaan akses internet untuk masuk ke sistem ODL bagi mengikuti kuliah berjadual atau pembelajaran dalam talian yang paling sesuai dengan jadual mereka. Mempunyai kadar yuran yang khusus berbeza dengan jenis program lain.

Maklumat lanjut berkaitan program ODL ini boleh dicapai di pautan: <https://odl.utm.my>

I. Aktiviti dan Penilaian

Peserta diminta melakonkan simulasi perbualan di antara calon pelajar & keluarga yang ingin mendapatkan maklumat terperinci mengenai program akademik di UTM.

TOPIK 2.3:

PENGAMBILAN DAN KEMASUKAN PELAJAR

A. Hasil Pembelajaran

Pada akhir topik ini, peserta akan dapat:

- i. Menyampaikan maklumat yang tepat berkaitan proses permohonan kemasukan pelajar.
- ii. Membuat pendaftaran pelajar baharu dengan mengikut tatacara yang betul.

B. Pengambilan dan Permohonan

- i. Maklumat berkaitan ambilan dan permohonan pelajar di UTM adalah seperti di Jadual 7 di bawah:

JENIS PENGAJIAN	PENGAMBILAN DAN PERMOHONAN
Prasiswa	
Asasi / Diploma	<p><u>Ambilan Bulan Jun (Sem 1) :</u></p> <p>Permohonan dibuka mulai bulan Februari hingga bulan April setiap tahun.</p> <p><u>Ambilan Bulan November (Sem 2) :</u></p> <p>Permohonan dibuka mulai bulan Ogos hingga bulan Oktober setiap tahun.</p> <p><i>(tempoh masa permohonan dibuka bergantung pada kalender akademik)</i></p> <p><i>Maklumat lanjut berkaitan proses permohonan Program Asasi</i></p>

	<p>dan Diploma, boleh dicapai di pautan : https://space.utm.my/foundation/ https://space.utm.my/diploma/</p>
Ijazah	<p>a. <u>Program Perdana</u></p> <p><u>Ambilan Bulan September (Sem 1) :</u></p> <p><u>Tempatan:</u> Permohonan melalui UPU online. Permohonan dibuka pada bulan Februari hingga bulan Mac setiap tahun.</p> <p><u>Antarabangsa:</u> Permohonan melalui sistem UTM. Permohonan dibuka mulai bulan Mac hingga bulan Jun setiap tahun.</p> <p><u>Ambilan Bulan Februari (Sem 2):</u></p> <p><u>Tempatan:</u> Permohonan dibuat melalui sistem UTM pada bulan November hingga bulan Disember setiap tahun</p> <p><u>Antarabangsa:</u> Permohonan melalui sistem UTM. Permohonan dibuka mulai bulan Oktober hingga bulan Disember setiap tahun.</p> <p>b. <u>Laluan Kemasukan dan Permohonan melalui saluran International Degree Program (IDP) UTM SPACE</u></p> <p>Maklumat lanjut berkaitan proses permohonan bagi saluran IDP boleh dicapai di pautan: https://space.utm.my/utmidp/</p> <p><i>Tempoh masa permohonan dibuka bergantung pada kalendar akademik.</i></p>

	<p><i>Tidak semua program ditawarkan pada setiap semester ambilan.</i></p> <p><i>Maklumat lanjut berkaitan proses permohonan ke program ijazah bagi calon tempatan boleh dicapai di pautan: http://upu.mohe.gov.my</i></p> <p><i>Maklumat lanjut berkaitan proses permohonan ke program ijazah bagi calon antarabangsa boleh dicapai di pautan: http://smart.utm.my/admission/</i></p>
Pascasiswazah	
Kerja Kursus / Kerja Kursus dan Penyelidikan (Mixed-Mode)	<p><u>Ambilan Bulan September (Sem 1) bagi tempatan dan antarabangsa:</u></p> <p>Permohonan dibuka mulai bulan Mac hingga bulan Jun setiap tahun.</p> <p><u>Ambilan Bulan Februari (Sem 2) bagi tempatan dan antarabangsa:</u></p> <p>Permohonan boleh dibuat mulai bulan Oktober hingga bulan Disember setiap tahun.</p> <p><i>Tempoh masa permohonan dibuka bergantung pada kalender akademik.</i></p> <p><i>Tidak semua program ditawarkan pada setiap semester ambilan.</i></p> <p><i>Maklumat lanjut berkaitan proses permohonan boleh dicapai di pautan: http://smart.utm.my/admission/</i></p>

<p>Penyelidikan</p> <p>Permohonan dan pengambilan dibuka sepanjang tahun.</p> <p><i>Maklumat lanjut berkaitan proses permohonan boleh dicapai di pautan: http://smart.utm.my/admission/</i></p>
--

Jadual 7: Maklumat Pengambilan dan Permohonan Pelajar

C. Proses Permohonan dan Pengambilan Pelajar

- i. Calon-calon pelajar perlu membuat permohonan kemasukan secara atas talian. Pautan permohonan secara atas talian adalah seperti yang tercatat di Jadual 7 di atas.
- ii. Proses permohonan kemasukan pelajar adalah seperti di bawah:
 - a. Program Prasiswazah - Ijazah Sarjana Muda (melalui UPU Online) - rujuk pautan: <https://upu.mohe.gov.my/index.php>




Gambar Rajah 1: Proses permohonan program ijazah sarjana muda
(Sumber: Slide Taklimat Kemasukan di pautan: <https://upu.mohe.gov.my/index.php>)



Rajah 2: Proses permohonan secara atas talian bagi calon pelajar


iii. Proses kerja SRAD memproses permohonan calon pelajar

a. Program Pascasiswa Kerja Kursus dan Mod



Gambar Rajah 3: Proses permohonan program pascasiswa secara Kerja Kursus dan Mod Campuran

b. Program pascasiswazah secara Penyelidikan



Gambar Rajah 4: Proses permohonan program pascasiswazah secara Penyelidikan

iv. Tawaran Terus (*Direct Offer*)

a. Sarjana

Tawaran kepada pelajar Sarjana Muda UTM yang berada pada tahun akhir semester akhir yang memiliki CGPA minimum 2.50.

b. Doktor Falsafah


Tawaran kepada pelajar Sarjana UTM yang berada pada tahun akhir semester akhir. Tawaran laluan secara pantas

(fast-track) diberikan kpd pelajar sarjana muda yang memiliki CGPA minimum 3.67.

D. Proses Pendaftaran Pelajar Baharu

- i. Berikut adalah proses pendaftaran pelajar baharu secara manual bagi calon pascasiswazah

CARTA ALIR PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SECARA MANUAL



Gambar Rajah 5: Proses pendaftaran pelajar baharu secara manual

- ii. Proses pendaftaran pelajar secara atas talian boleh di buat pada pautan: <https://admission.utm.my/edaftar/>. Tatacara proses tersebut boleh dirujuk pada: <https://admission.utm.my/files/2021/09/e-DAFTAR-Guidelines-2021-Proofread.pdf>

E. Aktiviti dan Penilaian

Peserta diminta melakonkan simulasi situasi calon pelajar di kaunter yang mahukan penjelasan lanjut mengenai cara membuat permohonan kemasukan pelajar. Di akhir aktiviti, peserta dikehendaki membuat pembentangan secara berkumpulan.

TOPIK 2.4:
PENGURUSAN AKADEMIK DAN REKOD PELAJAR
PASCASISWAZAH

A. Hasil Pembelajaran


Pada akhir topik ini, peserta akan dapat:

- i. Menyampaikan maklumat yang tepat berkaitan pelbagai proses pengurusan akademik dan rekod pelajar.
- ii. Menyelesaikan masalah pelanggan dengan jelas dan tepat.

B. Proses Pengurusan Akademik

- i. Terdapat beberapa pusat tanggungjawab (PTJ) yang mempunyai fungsi masing-masing yang terlibat secara langsung dengan urusan akademik pelajar.
- ii. PTJ tersebut adalah seperti berikut:
 - a. SRAD - Student Recruitment & Admission Division
 - b. AMD - Academic Management Division
 - c. iLeaGue - Institute for Life-REady Graduate / Institut Siswazah Tersedia Kehidupan (Urusan Prasiswazah)
 - d. SPS - Sekolah Pengajian Siswazah

iii Fungsi-fungsi PTJ yang terlibat dalam urusan akademik pascasiswazah adalah seperti rajah dibawah:



Gambar Rajah 7: PTJ yang terlibat dalam pengurusan akademik pelajar pascasiswazah

C. Pengurusan Akademik Pascasiswazah di UTM Kuala Lumpur

i. Fungsi SRAD di UTM Kuala Lumpur:

- Urusan Info Day dan Pendaftaran Pelajar Pasca Siswazah (PG) di UTM Kuala Lumpur
- Pemasaran Program UTM (Dalam & Luar Negeri) termasuk urusan di kaunter, telefon & email

- Sesi Preview Program Pesisir PG UTM Bersama Industri
 - Menyelaras Urusan Permohonan Pelajar Atas Talian – UG & PG (admission.utm.my / smart.utm.my)
 - Membuat Pendaftaran Pelajar Baru Pasca Siswazah Sepanjang Tahun
 - Membantu menyelaras urusan ejen pemasaran
 - Membantu urusan *Student Get Student Scheme*
- ii. Fungsi AMD di UTM Kuala Lumpur
- Pengurangan/ Pengecualian Yuran Pengajian Pelajar Perdana (warga emas, OKU, pelajar penyelidikan)
 - Pertukaran bentuk pendaftaran (Pakej Pengajian)
 - Pertukaran program pengajian
 - Pertukaran jenis pengajian (kerja kursus/ mixed mode/ penyelidikan)
 - Tarik diri program
 - Kemaskini Rekod Peribadi Pelajar (Alamat, Tarikh Masuk dan Keluar, Status dan lain-lain)
 - Perpindahan / Pengecualian kredit (pertukaran program atau jenis pengajian)
 - Pendaftaran Kursus Pelajar Pasca Siswazah (manual / panalti)
 - Pembetulan Pendaftaran Kursus
 - Tarik Diri (TD) kursus
 - Surat Pengesahan Pelajar (Bagi Pelajar Berstatus Pre-Aktif & Bahasa Inggeris)
 - Surat Pengesahan Graduan Pelajar UTM Kuala Lumpur
 - Penangguhan Pengajian (Fakulti)
 - Surat Akuan Pelajar Aktif (Fakulti)
 - Rayuan Menarik Balik Status Diberhentikan (Reinstatement)
 - Proses Kedudukan Gagal Daftar Semula (KGDS)

D. Kalender Akademik Universiti

- i. Kalender akademik merupakan panduan penting kepada semua pelajar di UTM. Kalender akademik dikeluarkan oleh pejabat AMD pada setiap semester dan ianya mengandungi pelbagai tarikh yang penting yang perlu dipatuhi oleh pelajar dan fakulti.
- ii. Kalender akademik tersebut boleh dicapai di pautan: <https://amd.utm.my/academic-calendar/>
- iii. Selain itu, pejabat AMD juga mengeluarkan Jadual Kerja Pendaftaran Kursus, Peperiksaan dan Pengijazahan pada setiap semester sebagai panduan kepada Pejabat Akademik Fakulti. Jadual Kerja tersebut boleh dicapai di pautan: <https://amd.utm.my/work-schedule/>

E. Borang-Borang Yang Berkaitan Urusan Akademik Pasca Siswazah

- i. Terdapat pelbagai borang yang terlibat dengan urusan akademik pascasiswazah. Borang-borang tersebut boleh dicapai di laman sesawang: <https://amd.utm.my/pg-forms/>

F. Sistem Gred dan Kedudukan Akademik

i. Prasiswazah

Rajah 8 (a) dan (b) di bawah menunjukkan sistem gred dan kedudukan akademik yang berkuatkuasa bagi pelajar prasiswazah di UTM.

Markah	Gred	Mata Nilai
90 – 100	A+	4.00
80 – 89	A	4.00
75 – 79	A-	3.67
70 – 74	B+	3.33
65 – 69	B	3.00
60 – 64	B-	2.67
55 – 59	C+	2.33
50 – 54	C	2.00
45 – 49	C-	1.67
40 – 44	D+	1.33
35 – 39	D	1.00
30 – 34	D-	0.67
00 – 29	E	0.00

Gambar Rajah 8 (a): Sistem Gred Pelajar Prasiswazah di UTM

Status	PNGK
Kedudukan Baik (KB)	$\text{PNGK} \geq 2.00$
Kedudukan Bersyarat (KS)	$1.70 \leq \text{PNGK} < 2.00$
Kedudukan Gagal (KG) (Diberhentikan)	$\text{PNGK} < 1.70$

Gambar Rajah 8 (b): Kedudukan Akademik Pelajar Prasiswazah di UTM

ii. Pascasiswazah

Gambar Rajah 9 (a), (b), (c) dan (d) di bawah menunjukkan sistem gred dan kedudukan akademik yang berkuatkuasa bagi pelajar pascasiswazah di UTM.

Markah Marks	Gred Grade	Mata Nilai Points	Taraf Pencapaian Level of Achievement
90 - 100	A+	4.00	Lulus dengan Cemerlang Excellent Pass
80 - 89	A	4.00	
75 - 79	A-	3.67	
70 - 74	B+	3.33	
65 - 69	B	3.00	
60 - 64	B-	2.67	
55 - 59	C+	2.33	Lulus dengan Baik Good Pass
50 - 54	C	2.00	
45 - 49	C-	1.67	
40 - 44	D+	1.33	
35 - 39	D	1.00	
30 - 34	D-	0.67	
00 - 29	E	0.0	Gagal Fail

Gambar Rajah 9 (a): Sistem Gred Pelajar Pascasiswa UTM

Kedudukan Akademik Academic Standing	Gred Penyelidikan Research Grade	Syarat Meneruskan Pengajian Condition to Proceed with the Study	Pengurniaan Ijazah Award of the Degree
Kedudukan Baik (KB) <i>Good Pass (KB)</i>	Memuaskan (MM) <i>Satisfactory (MM)</i>	Layak <i>Qualified</i>	Layak <i>Qualified</i>
Kedudukan Bersyarat (KS) <i>Conditional Pass (KS)</i>	Tidak Memuaskan (TM) <i>Unsatisfactory (TM)</i>	Layak <i>Qualified</i>	Tidak layak <i>Not Qualified</i>
Kedudukan Gagal (KG) <i>Fail (KG)</i>	Gagal (GG) <i>Fail (GG)</i>	Diberhentikan <i>Terminated</i>	Tidak layak <i>Not Qualified</i>

Gambar Rajah 9 (b): Kedudukan Akademik bagi Pengajian Siswa

Zahariah Sepenuhnya

Kedudukan Akademik Academic Standing	Kerja Kursus Taught Course	Gred Penyelidikan Research Grade	Syarat Meneruskan Pengajian Condition to Proceed with the Study	Pengurniaan Ijazah Award of the Degree
Kedudukan Baik (KB) <i>Good Pass (KB)</i>	CGPA \geq 3.00	Memuaskan (MM) <i>Satisfactory (MM)</i>	Layak <i>Qualified</i>	Layak <i>Qualified</i>
Kedudukan Bersyarat (KS) <i>Conditional Pass (KS)</i>	CGPA \geq 3.00	Tidak Memuaskan (TM) <i>Unsatisfactory (TM)</i>	Layak <i>Qualified</i>	Tidak layak <i>Not Qualified</i>
Kedudukan Gagal (KG) <i>Fail (KG)</i>	CGPA \geq 3.00	Gagal (GG) <i>Fail (GG)</i>	Diberhentikan <i>Terminated</i>	Tidak layak <i>Not Qualified</i>
Kedudukan Bersyarat (KS) <i>Conditional Pass (KS)</i>	$2.67 \leq CGPA < 3.00$	Memuaskan (MM) <i>Satisfactory (MM)</i>	Layak <i>Qualified</i>	Tidak layak <i>Not Qualified</i>
Kedudukan Bersyarat (KS) <i>Conditional Pass (KS)</i>	$2.67 \leq CGPA < 3.00$	Tidak Memuaskan (TM) <i>Unsatisfactory (TM)</i>	Layak <i>Qualified</i>	Tidak layak <i>Not Qualified</i>
Kedudukan Gagal (KG) <i>Fail (KG)</i>	$2.67 \leq CGPA < 3.00$	Gagal (GG) <i>Fail (GG)</i>	Diberhentikan <i>Terminated</i>	Tidak layak <i>Not Qualified</i>
Kedudukan Gagal (KG) <i>Fail (KG)</i>	CGPA < 2.67	Memuaskan (MM) <i>Satisfactory (MM)</i> / Tidak Memuaskan (TM) <i>Unsatisfactory (TM)</i> / Gagal (GG) <i>Fail (GG)</i>	Diberhentikan <i>Terminated</i>	Tidak layak <i>Not Qualified</i>

Gambar Rajah 9 (c): Kedudukan Akademik bagi Pengajian Siswazah
Program Kerja Kursus dan Penyelidikan

Kedudukan Akademik Academic Standing	Gred Penyelidikan Research Grade	Syarat Meneruskan Pengajian Condition to Proceed with the Study	Pengurniaan Ijazah Award of the Degree
Kedudukan Baik (KB) <i>Good Pass (KB)</i>	CGPA ≥ 3.00	Layak <i>Qualified</i>	Layak <i>Qualified</i>
Kedudukan Bersyarat (KS) <i>Conditional Pass (KS)</i>	$2.67 \leq CGPA < 3.00$	Layak <i>Qualified</i>	Tidak layak <i>Not Qualified</i>
Kedudukan Gagal (KG) <i>Fail (KG)</i>	CGPA < 2.67	Diberhentikan <i>Terminated</i>	Tidak layak <i>Not Qualified</i>

Gambar Rajah 9 (d): Kedudukan Akademik bagi Pengajian Siswazah
Program Kerja Kursus

G. Aktiviti dan Penilaian

Tiada

TOPIK 2.5:

URUSAN PELAJAR PENYELIDIKAN

A. Hasil Pembelajaran

Pada akhir topik ini, peserta akan dapat:

- i. Menyampaikan maklumat yang tepat berkaitan proses pengurusan pelajar penyelidikan kepada pelajar.
- ii. Menerangkan kepada pelajar tentang proses yang terlibat berdasarkan prosedur dan peraturan yang berkuatkuasa.


B. Fungsi Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) di UTM Kuala Lumpur

Fungsi Sekolah Pengajian Siswazah di UTM Kuala Lumpur

- Memproses dan meluluskan permohonan pelantikan / pertukaran penyelia pelajar bagi fakulti di UTM Kuala Lumpur.
- Pengurusan Program Pesisir UTMKL
- Urusan Pengajian dan Pembangunan Pelajar PhD Industri & PhD MARA
- Memantau aktiviti pelajar melalui Persatuan PGSS
- Pemantauan VIVA UTMKL
- Mengurus *Post Graduate Center (PGC) KL*
- Penubuhan Pusat APEL C UTM
- Mengeluarkan surat pelantikan panel pemeriksa yang telah diluluskan di Mesyuarat JAPSU
- Memproses graduan pelajar penyelidikan bagi fakulti UTM Kuala Lumpur di sistem Viva Management System (VMS)

C. Proses Pengurusan Pelajar Penyelidikan

- i. Gambar Rajah 10 di bawah menunjukkan ekosistem pelajar penyelidikan



- ii. Ekosistem Pelajar Penyelidikan

- a. Pengurusan penyeliaan pelajar

Pelajar pascasiswazah secara penyelidikan perlu melantik Penyelia mulai dari tarikh mendaftar program sehingga selesai pengajian tertakluk tiada sebarang perubahan atau permohonan pertukaran penyelia dibuat.

Urusan ini boleh dirujuk dalam KAPS 10 - Kod Amalan Penyelidikan Pasca Siswazah, Perkara 5.0 di pautan: <https://sps.utm.my/wp-content/uploads/2019/03/KAPS-10.pdf>

b. Laporan Kemajuan Pelajar (Progress Report)

Setiap pelajar penyelidikan yang berdaftar adalah wajib untuk mengisi Laporan Kemajuan Pelajar (*Progress Report*) pada setiap semester pengajian.

Laporan Kemajuan Pelajar diisi secara talian menggunakan sistem GSMS UTM di pautan <http://spsapp3.utm.my:8080/gsmsv4/index.jsp> pada minggu ke 10 hingga 14 di setiap semester pengajian.

c. Penilaian Peringkat Pertama (First Stage Assessment / Proposal Defense)

Penilaian Cadangan Penyelidikan / Penilaian Peringkat Pertama ini hendaklah dikendalikan selewat-lewatnya seperti berikut:

- i. Program Sarjana - semester kedua pengajian
- ii. Doktor Falsafah - semester ketiga pengajian

Urusan ini boleh dirujuk dalam KAPS 10 - Kod Amalan Penyelidikan Pasca Siswazah, Perkara 5.2.1 di pautan: (<https://sps.utm.my/wp-content/uploads/2019/03/KAPS-10.pdf>)

d. Notis Hantar Tesis

Pelajar perlu menghantar permohonan Notis Hantar Tesis secara atas talian melalui sistem GSMS UTM di pautan: <http://spsapp3.utm.my:8080/gsmsv4/index.jsp>.

Tempoh minimum menghantar notis adalah pada semester lima (5) bagi pelajar Kedoktoran dan semester dua (2) bagi pelajar Sarjana.

Prosedur keseluruhan Notis Hantar Tesis adalah seperti Rajah 11 di bawah:



Gambar Rajah 11: Prosedur Kerja Pelantikan Pemeriksa

Panduan ini boleh dirujuk dalam KAPS 10 - Kod Amalan Penyelidikan Pasca Siswazah, Perkara 7.1.1 di pautan: <https://sps.utm.my/wp-content/uploads/2019/03/KAPS-10.pdf>

e. Peperiksaan Lisan (Viva-voce)

Pelajar digalakkan menghantar tesis pada semester keenam (Ijazah Kedoktoran) dan kedua (Sarjana).

Proses keseluruhan peperiksaan lisan adalah seperti di rajah 12 di bawah:

PROSES KESELURUHAN PEPERIKSAAN LISAN (VIVA-VOCE)



Gambar Rajah 12: Proses Peperiksaan Lisan Pelajar Penyelidikan

iii Penulisan Tesis

Panduan ini boleh dirujuk dalam KAPS 10 - Kod Amalan Penyelidikan Pasca Siswazah, Perkara 6.0 di pautan 5
<https://sps.utm.my/wp-content/uploads/2019/03/KAPS-10.pdf>

iv Manual Tesis

Pelajar penyelidikan boleh merujuk kepada buku panduan tesis (thesis guideline) yang boleh dicapai di pautan:
<https://sps.utm.my/thesis-formatting-2018/>

vii. Pemeriksaan dan Penilaian Tesis

Panduan ini boleh dirujuk dalam KAPS 10 - Kod Amalan Penyelidikan Pasca Siswazah, Perkara 7.1 di laman sesawang:
<https://sps.utm.my/wp-content/uploads/2019/03/KAPS-10.pdf>

D. Biasiswa dan Bantuan Kewangan Pelajar

Pihak Universiti ada menawarkan pelbagai bentuk biasiswa dan bantuan kewangan kepada pelajar penyelidikan pada setiap semester. Maklumat tersebut boleh dirujuk di pautan : <https://sps.utm.my/financial-related-resources/>

E. Post Graduate Student Society (PGSS)

Post Graduate Student Society (PGSS) adalah perwakilan pelajar pascasiswazah UTM dan maklumat lanjut boleh dirujuk di laman sesawang : <https://sps.utm.my/pgss/>

F. Hadiah Akademik

Panduan berkaitan dengan Anugerah Akademik Pengajian Siswazah boleh dirujuk di pautan: <https://sps.utm.my/wp-content/uploads/2018/05/KAPS-14-Kod-Amalan-Anugerah-Akademik-Pengajian-Siswazah.pdf>

G. Pengurangan Yuran Warga UTM

Pihak Universiti menyediakan Skim Pengurangan Yuran bagi mana-mana staf / pasangan / anak yang mengikuti pengajian di UTM. Pelajar boleh membuat permohonan pengurangan yuran pada setiap semester dengan menghantar permohonan lengkap ke SPS mengikut tempoh yang ditetapkan.

Borang permohonan boleh dimuat turun dari pautan berikut:

- a. Staf (**Lampiran 12**) - <https://sps.utm.my/wp-content/uploads/2020/10/Borang-PENGECUALIAN-YURAN-PELAJARAN-STAF-UTM.pdf>
- b. Pasangan staf (**Lampiran 13**) - <https://sps.utm.my/wp-content/uploads/2020/10/Borang-PENGURANGAN-YURAN-PELAJARAN-PASANGAN-STAF-UTM.pdf>
- c. Tanggungan/anak staf (**Lampiran 14**)
<https://sps.utm.my/wp-content/uploads/2020/10/Borang-PENGURANGAN-YURAN-PELAJARAN-ANAK-STAF-UTM.pdf>

H. Aktiviti dan Penilaian

Tiada

TOPIK 2.6:

PENGIJAZAHAN DAN KONVOKESYEN


A. Hasil Pembelajaran

Pada akhir topik ini, peserta akan dapat:

- i. Menyampaikan maklumat yang tepat berkaitan maklumat pengijazahan dan konvokesyen Universiti kepada pelajar.

B. Proses Pengijazahan dan Konvokesyen

- i. Pelajar yang telah tamat pengajian perlulah memenuhi syarat kelayakan graduan. Syarat tersebut boleh dirujuk pada buku peraturan akademik seperti berikut:
 - a. Prasiswazah: <https://ileague.utm.my/academic-rules/>
 - b. Pascasiswazah: <https://sps.utm.my/policy-guidelines-v2/>
- ii. Gambar Rajah 13 di bawah menunjuk proses pengijazahan bagi pelajar.



Gambar Rajah 13: Proses Pengijazahan Pelajar

iii. Setiap pelajar yang layak untuk dianugerahkan perlu mengisi borang seperti di bawah dan mengemukakannya kepada fakulti masing-masing.

a. Prasiswazah

<https://amd.utm.my/files/2020/07/Borang-Penganugerahan.pdf>

b. Pascasiswazah:

<https://amd.utm.my/files/2016/09/PENGESAHAN-MAKLUMAT-GRADUAN.pdf>

C. Laman Web Rasmi Konvokesyen UTM

- i. Para graduan boleh menyemak pelbagai maklumat berkaitan konvokesyen dengan merujuk kepada laman web rasmi konvokesyen di pautan : <https://www.utm.my/convocation/>
- ii. Maklumat berkaitan tatacara pemakaian graduan dan lapel fakulti boleh dirujuk pada pautan:
<https://www.utm.my/convocation/convocation-attire-2021/>

D. Permohonan Sijil Awal (*Early Certificate*)

Graduan yang ingin memohon mendapatkan sijil awal boleh membuat permohonan secara di atas talian melalui sistem i-convo di pautan : <https://ekonvo.utm.my/login>.

Tatacara permohonan sijil awal boleh dirujuk di pautan:
<https://amd.utm.my/early-certificates/>

E. Aktiviti dan Penilaian

Tiada

BAB 3: PENGURUSAN KEWANGAN PELAJAR

TUJUAN

Memberikan panduan asas kepada petugas kaunter berkaitan pengurusan kewangan pelajar berpandukan pemakaian Peraturan Kaedah UTM (kewangan pelajar) dan meningkatkan kompetensi staf dalam memberikan penasihat kepada pelajar

RINGKASAN

Modul ini menerangkan peraturan kewangan pelajar berdasarkan pekeliling yang berkuatkuasa, maklumat yuran pengajian Universiti, panduan pembayaran yuran pelajar, prosedur tuntutan bayaran balik yuran dan personal bond serta maklumat bantuan kewangan pelajar Universiti.

OBJEKTIF

1. Mematuhi Peraturan Kewangan Pelajar berdasarkan pekeliling yang sedang berkuatkuasa
2. Meningkatkan kompetensi staf dalam memberikan penasihat terbaik kepada pelajar berkaitan akademik dan pengurusan kewangan pelajar
3. Menjelaskan kadar yuran pengajian berdasarkan program yang ditawarkan
4. Membimbing pelajar mengenai tatacara pembayaran yuran secara atas talian
5. Menjelaskan bentuk bantuan kewangan kepada pelajar UTM
6. Menjelaskan prosedur permohonan tuntutan bayaran balik yuran / Personal Bond

TOPIK 3.1:
KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
(KEWANGAN PELAJAR)

A. Hasil Pembelajaran

Pada akhir topik ini, peserta akan dapat:

- i. Memahami dan menggunakan pekeliling dan peraturan yang berkuatkuasa berkaitan pengurusan kewangan pelajar
- ii. Memberikan penasihatuan kepada pelajar berdasarkan pekeliling dan peraturan yang berkuatkuasa

B. Pengenalan kepada Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Kewangan Pelajar)

Pekeliling Bendahari Bil.1 2021, Kaedah-kaedah UTM (Kewangan Pelajar) telah diluluskan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 110 bertarikh 05 Januari 2021. Kaedah ini merupakan panduan yang lengkap kepada staf dalam hal ehwal pengurusan kewangan pelajar UTM.

Dalam Kaedah UTM (kewangan pelajar) ini terdapat garis panduan berkaitan:

- i. Yuran pengajian,
- ii. Yuran kolej kediaman
- iii. Tatacara kutipan
- iv. Yuran pengajian bagi kes-kes khas
 - a. Tidak Mendaftar Pengajian di Universiti
 - b. Menarik Diri Dari Universiti
 - c. Menangguh Pengajian atau Cuti Sakit
 - d. Pra-aktif Pascasiswa
 - e. Program Persediaan Bahasa Inggeris atau Program Pra-Syarat
 - f. Tindakan Tatatertib

- g. Meninggal Dunia
- h. Pemberhentian Pengajian
- v. Pembiayaan
- vi. Visa, Pas Pelajar Dan Bon Persendirian
- vii. Bayaran Yuran Mengikut Program
 - a. Program Mobiliti Pelajar Inbound
 - b. Program Perdana
 - c. Program Bukan Perdana
- viii. Pengurangan/ Pengecualian Yuran
- ix. Lain-Lain Caj/Denda Selain Yuran Pengajian
- x. Tindakan Terhadap Pelajar Yang Gagal Menjelaskan Pembayaran
- xi. Yuran Semester Pendek (Semester 3, Sesi Akademik)
- xii. Tatacara Pembayaran Yuran Dan Lain-Lain Caj/Denda
- xiii. Program Persediaan Bahasa Inggeris Dan Program Pra-Syarat
- xiv. Kes-Kes Khas Program Bukan Perdana
- xv. Lain-Lain Caj Dan Denda

C. Aktiviti dan penilaian

Tiada

TOPIK 3.2:

YURAN PENGAJIAN

A. Hasil Pembelajaran

Pada akhir topik ini, peserta akan dapat:

- i. Menentukan kadar yuran pengajian Universiti mengikut program yang ditawarkan
- ii. Memberi tunjuk ajar kepada pelajar tatacara pembayaran yuran secara atas talian melalui UTMSMART dan MyUTM portal
- iii. Membantu menyelesaikan aduan pelajar berdasarkan maklumat yang tepat

B. Komponen yuran pengajian pelajar

Lembaga mempunyai kuasa untuk menentukan kadar Yuran Pengajian kepada Pelajar Universiti. Walaubagaimanapun, kadar Yuran Pelajaran pelajar tempatan perlu mendapat pengesahan Kementerian yang berkaitan.

